

19/02/2002

Hayabusa sesuai untuk pelumba muda

KERETA yang dihasilkan menggunakan komponen daripada motosikal mungkin agak pelik bunyinya tetapi itulah Suzuki Hayabusa, kereta lumba dengan satu tempat duduk ciptaan E Nobuhiro Tajima atau dikenali sebagai Monster Tajima.

Presiden Suzuki Motor Sport itu mencipta Hayabusa kenderaan perlumbaan murah berkuasa 1300cc tetapi sangat pantas dan sesuai memupuk bakat pelumba baru berusia antara 18 hingga 25 tahun.

Suzuki Hayabusa lahir hasil kebimbangannya kemungkinan sukar mencari bakat baru dalam bidang perlumbaan kerana proses melahirkan pelumba Formula Satu sekarang membabitkan kos yang besar.

Kata-kata, "Saya berumur 50 tahun tetapi masih lagi juara," membuatkan Tajima mencari jalan mudah untuk melahirkan pelumba dengan kos rendah yang berkonsepkan perlumbaan kereta Suzuki Hayabusa.

Kebimbangannya juga berputik apabila melihat remaja lebih tertarik kepada permainan komputer.

Suzuki Hayabusa adalah kereta ringkas, mudah dikendalikan dan kos operasinya rendah.

Ianya memiliki kuasa kelajuan dan pemanduan menyeronokkan dan mempunyai kenderaan satu tempat duduk yang sempurna untuk Kejuaraan Formula Malaysia.

Manakala Pengerusi Suzuki Motor Corporation Jepun memuji usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir yang bertungkus lumus mempromosi sukan bermotor selaras pembangunan negara.

Kekaguman itu menghasilkan sokongan besar dan sebagai pelancaran rasmi Suzuki Hayabusa untuk Kejuaraan Formula Malaysia yang julung kali diadakan.

Justeru untuk merealisasikan Kejuaraan Formula Malaysia, Suzuki Motor Corporation Jepun menyumbang 20 buah Suzuki Hayabusa sempena perlumbaan sokongan pada Kejohanan Grand Prix Petronas Malaysia pada 15 hingga 17 Mac ini.

Buat masa sekarang tiga buah Suzuki Hayabusa berada di Sepang sebagai persediaan untuk latihan dan pemilihan pelumba untuk kejuaraan itu.

(END)